

06/10/1998

Malaysia terima bantuan RM7.6b

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia dijangka menerima kira-kira AS\$2 bilion (RM7.6 bilion) daripada pakej bantuan Jepun AS\$30 bilion (RM114 bilion), untuk menstabilkan ekonomi empat negara Asean dan Korea Selatan.

Duta Jepun ke sini, Issei Nomura, berkata agensi berkaitan di Jepun dan Malaysia sedang mengadakan perbincangan dalam usaha mengeluarkan bantuan itu secepat mungkin.

"Perkara ini masih dalam perbincangan dan ia membabitkan tiga jenis pinjaman iaitu pinjaman yen, pinjaman Bank Asia dan kemudahan kewangan insurans perdagangan.

"Ini adalah urusan yang ingin disegerakan oleh Kerajaan Jepun dan saya menjangka jumlah keseluruhannya yang mungkin dapat dikeluarkan kepada Malaysia ialah AS\$2 bilion," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian, selepas majlis perasmian Konvensyen Persatuan Gedung Serbaneka Jepun oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Bantuan pakej itu diumumkan akhir minggu lalu oleh Menteri Kewangan Jepun, Kiichi Miyazawa. Bagaimanapun, beliau tidak memperincikan bagaimana AS\$30 bilion itu akan dibahagikan antara lima negara penerima termasuk Thailand, Indonesia dan Filipina.

Daripada jumlah itu, AS\$15 bilion (RM57 bilion) ialah untuk memenuhi keperluan kewangan jangka sederhana dan panjang bagi menggalakkan pemulihan ekonomi di rantau ini dan Korea Selatan.

Bakinya akan diperuntukkan untuk keperluan modal jangka pendek ketika negara-negara berkenaan melaksanakan reformasi ekonomi.

Jepun berharap inisiatifnya itu akhirnya akan membawa kepada penggunaan meluas yen Jepun dan penubuhan Tabung Kewangan Asia.

Nomura berkata, bagi pihak Malaysia, beberapa agensi termasuk Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (EPU) serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian (MITI) sedang mengadakan perbincangan mengenai cara pinjaman itu akan dibuat.

Mengenai langkah mengawal mata wang yang dilaksanakan Malaysia bagi merangsang semula ekonomi negara, Nomura berkata Jepun berharap langkah itu akan mencatat keputusan positif dan membantu pemulihan ekonomi dengan lebih pantas.

(END)